

## HUBUNGAN TAHAP KEKERAPAN PENGGUNAAN PERANTI TEKNOLOGI DIGITAL DI KALANGAN KANAK-KANAK DENGAN DEMOGRAFI IBU BAPA

(*THE RELATIONSHIP OF FREQUENCY LEVEL OF USE OF DIGITAL TECHNOLOGY DEVICES AMONG CHILDREN WITH THE DEMOGRAPHICS OF THE PARENTS*)

**Ahmad Muaz Muhd Hairi**

Jabatan Perkhidmatan Masyarakat, Kolej Vokasional (ERT) Azizah

**Mohamad Irman Che Pa**

**Erzian Hanim Mohamad Jaafar**

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pendidikan,  
Universiti Islam Melaka

**Zuriani Hanim Zaini**

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota

*Corresponding Author's Email:* [ahmadmuaz.mh@gmail.com](mailto:ahmadmuaz.mh@gmail.com)

---

### **Article History:**

Received : 1 Mei 2024

Revised : 3 Jun 2024

Published : 31 Disember 2024

---

© Penerbit Universiti Islam Melaka

### **To cite this article:**

Hairi, A.M.M., Pa, M.I.C., Jaafar, E.H.M., & Hanim, Z.H. (2024). HUBUNGAN TAHAP KEKERAPAN PENGGUNAAN PERANTI TEKNOLOGI DIGITAL DI KALANGAN KANAK-KANAK DENGAN DEMOGRAFI IBU BAPA. *Jurnal Kesiadang*, 9(1), 1-10.

### **ABSTRAK**

Penularan gelombang penggunaan peranti teknologi digital bermula dalam kehidupan awal kanak-kanak dilihat sebagai suatu norma kebiasaan pada zaman kini. Penggunaan peralatan ini dalam rutin harian kanak-kanak menjadi suatu kebiasaan dan menjadi trend kini ibu bapa memperkenalkan penggunaannya bermula sejak awal usia pertumbuhan mereka. Justeru, kajian tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital di kalangan kanak-kanak berusia dua hingga enam tahun dengan demografi ibu bapa. Objektif dalam kajian ini ialah mengkaji hubungan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak dengan umur ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan umur kanak-kanak. Kajian ini dijalankan ke atas 225 orang ibu bapa melalui persampelan rawak mudah yang mempunyai anak yang berumur antara dua hingga enam tahun di sekitar negeri Melaka. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26.0. Dapatkan kajian mendapat tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak mempunyai hubungan yang signifikan dengan umur dan pekerjaan ibu bapa serta umur kanak-kanak. Hal ini membuktikan kepada kajian bahawa kehidupan ibu bapa kini mempunyai kaitan rapat dengan kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak. Ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting bagi memastikan usaha kawalan penggunaan peranti teknologi digital terhadap kanak-kanak berlaku dalam keadaan yang terkawal dan seimbang.

**Kata kunci:** peranti teknologi digital, kanak-kanak, ibu bapa

## ABSTRACT

The transmission of the wave of digital technology device use starting in the early life of children is seen as a common norm in today's age. The use of this equipment in children's daily routine has become a habit and it has become a trend now that parents introduce its use starting from the beginning of their growing age. Therefore, this survey was conducted to identify the relationship between the frequency of use of digital technology devices among children aged two to six years and the demographics of their parents. The objective of this study is to examine the relationship between the frequency of use of digital technology devices by children with the age of the parents, the occupation of the parents and the age of the child. This study was conducted on 225 parents through simple random sampling who have children aged between two and six years around the state of Melaka. The data obtained were analysed using SPSS software version 26.0. The findings of the study found that the level of frequency of use of digital technology devices by children has a significant relationship with the age and occupation of the parents as well as the age of the child. This proves to the study that parents' lives are closely related to the use of digital technology devices by children. Parents need to play an important role in ensuring that efforts to control the use of digital technology devices against children occur in controlled and balanced conditions.

**Keywords:** digital technology devices, children, parents

## 1.0 PENGENALAN

Pada zaman kini penggunaan peranti teknologi digital merupakan perkara yang tidak asing berlaku dalam kehidupan kanak-kanak. Peranti teknologi digital biasanya merujuk kepada penggunaan teknologi media digital seperti telefon pintar, tablet, televisyen, komputer, permainan video, suara pintar dan alat bacaan elektronik (Rideout & Robb, 2019). Penggunaan peralatan ini dalam rutin harian kanak-kanak menjadi suatu kebiasaan dan menjadi trend kini ibu bapa memperkenalkan penggunaannya bermula sejak awal usia pertumbuhan mereka. Berdasarkan kajian tinjauan yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Lembah Klang, sebanyak 78.3 peratus ibu bapa memberikan peranti teknologi digital kepada kanak-kanak (Shamilatul & A'dawiyah, 2022). Hal ini membuktikan bahawa pemberian penggunaan peranti teknologi digital di kalangan kanak-kanak oleh ibu bapa berlaku dan berkemungkinan peratus ini boleh meningkat dari tahun ke tahun.

Pelbagai faktor yang berlaku menyumbang kepada pendedahan awal penggunaan peranti teknologi digital kepada kanak-kanak. Antaranya ialah faktor perkembangan revolusi industri dimana merupakan antara penyumbang terbesar kepada perkembangan ICT dan digital (Izati & Mohd, 2021). Seiring dengan peredaran masa yang menyahut kepada perkembangan Teknologi 4.0, kehidupan kanak-kanak kini turut sama terkesan dengan perkembangan teknologi ini. Pendedahan awal penggunaan peranti teknologi digital dalam kehidupan kanak-kanak perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak terutamanya ibu bapa. Kanak-kanak menjadikan peranti digital sebagai aksesori yang setia di sisi serta menjadikan alat permainan yang utama apabila disambungkan kepada rangkaian internet (Ashari, Ngadiman, Zainudin & Jumaat, 2018) dan penggunaan ini dilihat tidak terkawal semenjak pandemik COVID-19 (Shamilatul & A'dawiyah, 2022). Keadaan ini telah melibatkan semua peringkat umur sehingga tidak terkecuali kepada kanak-kanak yang belajar di peringkat tadika (Rahman, 2017).

Namun begitu, hal ini bukanlah penyebab kepada ibu bapa perlu menolak penggunaan peranti teknologi digital dalam kehidupan kanak-kanak, tetapi ia perlu di tadbir urus dengan baik oleh ibu bapa. Nasihat daripada Khalifah Al-Rasyidin yang kedua, Saidina Umar r.a "Didiklah anak-anakmu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang kerana mereka telah dijadikan Tuhan untuk zaman yang bukan zaman engkau". Perkembangan peranti teknologi digital merupakan suatu perkara yang berlaku dalam zaman kanak-kanak sekarang. Penggunaan peranti teknologi digital yang terkawal (tidak ketagih) dapat memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan kanak-kanak. Ibu bapa adalah individu yang bertanggungjawab dalam memastikan proses penggunaan peranti teknologi digital ini digunakan dalam kadar dan tempoh masa yang sesuai seiring dengan pertumbuhan umur kanak-kanak.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu:

- (i) mengkaji hubungan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak berumur dua hingga enam tahun dengan umur ibu bapa.
- (ii) mengkaji hubungan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak berumur dua hingga enam tahun dengan pekerjaan ibu bapa.
- (iii) mengkaji hubungan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital dengan umur kanak-kanak.

## 3.0 SOROTAN LITERATUR

Persekitaran fizikal dan sosial dalam kehidupan kanak-kanak hari ini telah didatangi dengan kepelbagai dan ketersediaan peranti teknologi digital (Ofcom, 2022; Roje, Buljan & Selak, 2020). Kajian lepas yang telah dijalankan mendapati bahawa penggunaan berlebihan telefon pintar boleh menyebabkan implikasi fisiologi, seperti gangguan tidur dan obesiti, dan implikasi psikologi seperti ketagihan dan kecemasan, pada kanak-kanak (Yadav dan Chakraborty, 2021). Tambahan itu, kajian lepas juga ada menunjukkan bahawa hampir 96% kanak-kanak berusia antara 5 dan 7 tahun aktif menggunakan pelbagai peranti teknologi digital seperti telefon pintar, tablet, laptop, dan konsol permainan (Almuaijel et al., 2021; Kalabina & Progackaya, 2021; Susilowati et al, 2021). Mahidin (2019) menyatakan bahawa sembilan daripada sepuluh kanak-kanak berumur dalam lingkungan 5-17 tahun menggunakan internet dan ini menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai risiko dalam talian seperti kandungan yang kurang sesuai, buli siber, berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali dan penipuan dalam talian. Penggunaan internet oleh kanak-kanak banyak digunakan dalam peranti teknologi digital seperti telefon pintar, *tablet* dan laptop. Kanak-kanak mudah terikut dengan permainan atau video yang dimainkan dalam mudahalih dan dapat memberi perubahan kepada kognitif, sikap dan tingkah laku yang agresif (Ismail, 2020).

Penggunaan peranti mudah alih meningkat dengan pesat dalam kalangan kanak-kanak kerana ciri-ciri baharu dalam peranti ini iaitu dari aspek aplikasi mobile banyak mengfokuskan kumpulan sasaran ini (Hosokawa & Katsura, 2018). Penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak berkembang dengan pesat, walaupun kanak-kanak yang berlatar belakang kurang berkemampuan (Radesky et al., 2016), ianya menyediakan peluang yang signifikan untuk anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah (Rizk & Hillier, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa trend penggunaan peranti teknologi digital ini semakin meluas sehinggakan dibenarkan penggunaannya kepada kanak-kanak yang berumur bawah dari 5 tahun. Kajian lepas yang dijalankan ada melaporkan bahawa kanak-kanak prasekolah (usia 2 hingga 7 tahun) kebanyakannya terlibat dengan televisyen (Tay, Aiyyob, Chua, Ramachandran & Chia, 2021). Bagi kanak-kanak berusia 0 hingga 8 tahun, peranti teknologi digital yang disukai ialah tablet, kerana saiz skrin yang lebih besar (berbanding dengan telefon pintar) membolehkan penggunaan yang mudah dan menyajikan persekitaran kreatif (Chaudron et al., 2018; Papadakis et al, 2019). Aktiviti kanak-kanak pada peranti teknologi digital termasuk menonton kartun, bermain permainan, menonton video, mengambil gambar, berkomunikasi, membuat video, dan mendengar muzik (Chaudron et al., 2018; Kalabina & Progackaya, 2021).

Pemberian penggunaan ini bukan hanya melibatkan kepada pelbagai tahap umur kanak-kanak, tetapi turut sama melibatkan pelbagai kategori umur ibu bapa yang mengawal selia penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak. Semua perkara ini perlu diambil cakna oleh semua ibu bapa yang menjadi pengawal penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak. Fenomena pemberian penggunaan peranti teknologi digital kepada kanak-kanak menjadi perkara yang tidak asing lagi oleh ibu bapa. Ia juga dilihat membantu kepada ibu bapa dalam menguruskan anak mereka. Berdasarkan kajian lepas, hal ini terbukti berkesan dan membantu kepada ibu bapa dalam menguruskan anak apabila pemberian telefon mudah alih dapat mengelak daripada anak membuat bising atau menangis terutamanya apabila berada di tempat awam (Aziz, 2020). Sesetengah ibu bapa menganggap peranti teknologi digital sebagai sarana hiburan dan membenarkan anak-anak mereka menghiburkan diri mereka (Kalabina & Progackaya, 2021). Hal ini dilihat menjadi satu fenomena sekarang oleh ibu bapa muda dan pertengahan. Mereka cenderung untuk memberikan penggunaan peranti teknologi digital

kepada kanak-kanak walaupun masih tidak sesuai kepada peringkat umur kanak-kanak ketika itu. Hal ini disokong dengan kajian lepas yang dijalankan di Croatia mendapati ibu bapa sering membenarkan anak-anak mereka menggunakan skrin digital untuk mendapatkan perhatian mereka (Roje, Buljan & Selak, 2020). Ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak. Walaupun penggunaan peranti teknologi digital ini dilihat mampu membantu kepada ibu bapa dalam menguruskan anak-anak, tetapi pengawalan dan tadbir urus yang baik perlu dilakukan. Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan pertumbuhan kanak-kanak berlaku dalam keadaan yang seimbang.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara kuantitatif. Kajian ini telah dijalankan di sekitar negeri Melaka. Rasional memilih tempat kajian ini sebagai lokasi kajian kerana relevan dengan objektif kajian yang juga memudahkan pengkaji menjalankan kajian dengan baik. Responden kajian pula dipilih melalui persampelan rawak mudah. Kajian ini dijalankan ke atas 225 orang ibu bapa yang mempunyai anak yang berumur antara dua hingga enam tahun.

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan item soal selidik ini, kajian rintis dijalankan terhadap 25 orang ibu bapa yang mempunyai ciri yang menyerupai sampel kajian ini. Dalam kajian rintis ini, nilai kebolehpercayaan item soal selidik ditentukan oleh nilai alpha Cronbach yang terdapat dalam Statistical Packages for the Social Science (SPSS) versi 26.0. Berdasarkan Jadual Pekali Alpha Cronbach dari Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007).

Pengkaji telah menggunakan aplikasi *Google Form* dan seterusnya mengedarkan borang soal selidik *Google Form* kepada responden menggunakan aplikasi *Whatsapp* secara dalam talian. Aplikasi tersebut dipilih bagi mengurangkan kos dan tempoh masa pelaksanaan kajian. Soal selidik yang telah diedarkan kepada responden kemudiannya dikumpulan dalam tempoh lima bulan. Data yang diperoleh dipindahkan ke perisian *SPSS versi 26.0*. Semua data yang diperoleh kemudian dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan kaedah tabulasi silang.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN

Sampel kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur di bawah enam tahun. Seramai 225 orang ibu bapa telah bersetuju untuk menjadi sampel kajian ini bagi memberi respons terhadap soal selidik kajian. Demografi responden adalah berdasarkan jadual berikut:

**Jadual 1.0**  
**Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Demografi Responden**

Demografi		Frekuensi	Peratus
Jantina	Perempuan	200	89
	Lelaki	25	11
Umur ibu bapa	20-30 tahun	62	28
	31-40 tahun	139	61
	41-50 tahun	24	11
Pekerjaan	Kerajaan	97	43
	Swasta	79	35
	Bekerja sendiri	21	10
	Tidak bekerja	28	12
Umur anak	2 tahun	27	12
	3 tahun	61	27
	4 tahun	53	24
	5 tahun	23	10

Jumlah	6 tahun	61	27
		225	100

Seterusnya, pengkaji membuat tinjauan hubungan antara tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak berumur dua hingga enam tahun dan kaitannya dengan demografi responden iaitu dari segi umur ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan peringkat umur kanak-kanak. Kajian ini telah menggunakan dan merujuk kepada Jadual 2.0 Interpretasi Cramer's V untuk menilai kekuatan hubungan faktor yang dikaji. Berikut merupakan jadual yang digunakan:

**Jadual 2.0**  
*Interpretasi Cramer's V*

Kekuatan Hubungan	Julat Nilai Cramer's V
Kuat	> 0.30
Sederhana	0.11 > 0.29
Lemah	> 0.10
Tiada	0.00 > 0.09

**Persoalan Pertama Kajian: Adakah Terdapat Hubungan Antara Tahap Kekerapan Penggunaan Peranti Teknologi Digital oleh Kanak-kanak Berumur Dua hingga Enam Tahun dengan Umur Ibu Bapa?**

**Jadual 3.0**  
*Analisis Tabulasi Silang*

Kekerapan penggunaan peranti teknologi digital	Umur ibu bapa			Jumlah
	20-30 tahun	31- 40 tahun	41- 50 tahun	
Satu atau dua kali seminggu	9	20	3	32
Lebih dari tiga kali seminggu	14	40	8	62
Satu atau dua kali sehari	24	33	9	66
Lebih dari tiga kali sehari	0	36	4	40
Tidak menggunakan peranti teknologi digital	15	10	0	25
	62	139	24	225

Jadual 3.0 menunjukkan analisis tabulasi silang antara tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak mengikut tahap umur ibu bapa. Berdasarkan jadual berikut, pemilihan kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak selama lebih dari tiga kali seminggu merupakan pilihan yang paling tinggi oleh ibu bapa yang berumur 31 hingga 40 tahun. Seterusnya bagi ibu bapa yang berumur 20 hingga 30 tahun memilih kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak adalah selama satu atau dua kali seminggu. Akhir sekali, ibu bapa yang berumur 41 hingga 50 tahun pula lebih ramai memilih kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak adalah selama satu atau dua kali sehari.

**Jadual 3.1**  
**Nilai Chi-Square dan Cramer's V**

	Nilai	Asymptotic Significance
Pearson Chi-Square	35.197	.000
	Nilai	Approximate Significance
Cramer's V	.280	.000

Berdasarkan Jadual 3.1 nilai chi square (35.197) dan p <0.05 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak dan peringkat umur ibu bapa. Nilai cramer's V pada nilai .280 pula menunjukkan hubungan antara kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak dan peringkat umur ibu bapa adalah sederhana.

**Persoalan Kedua Kajian: Adakah Terdapat Hubungan Antara Tahap Kekerapan Penggunaan Peranti Teknologi Digital oleh Kanak-kanak Berumur Dua hingga Enam Tahun dengan Pekerjaan Ibu Bapa?**

**Jadual 4.0**  
**Analisis Tabulasi Silang**

Kekerapan penggunaan peranti teknologi digital	Pekerjaan ibu bapa				Jumlah
	Kerajaan	Swasta	Bekerja Sendiri	Tidak Bekerja	
Satu atau dua kali seminggu	14	9	0	9	32
Lebih dari tiga kali seminggu	28	24	8	2	62
Satu atau dua kali sehari	30	21	3	12	66
Lebih dari tiga kali sehari	20	20	0	0	40
Tidak menggunakan peranti teknologi digital	5	5	10	5	25
	97	79	21	28	225

Jadual 4.0 menunjukkan analisis tabulasi silang antara tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak mengikut sektor pekerjaan ibu bapa. Berdasarkan jadual berikut, pemilihan kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak selama satu atau dua kali sehari merupakan pilihan yang paling tinggi oleh ibu bapa yang berada di sektor kerajaan. Ibu bapa yang bekerja di sektor swasta pula lebih banyak memilih kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak adalah selama lebih dari tiga kali seminggu. Ibu bapa yang bekerja sendiri pula lebih banyak memilih tidak menggunakan peranti teknologi digital. Akhir sekali ibu atau bapa yang tidak bekerja pula memilih kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak selama satu atau dua kali sehari.

**Jadual 4.1**  
**Nilai Chi-Square dan Cramer's V**

	Nilai	Asymptotic Significance
Pearson Chi-Square	61.519	.000
	Nilai	Approximate Significance
Cramer's V	.302	.000

Berdasarkan Jadual 4.1 nilai chi square (61.519) dan p <0.05 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak dan sektor pekerjaan ibu bapa. Nilai cramer's V pada nilai .302 pula menunjukkan hubungan antara kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak dan sektor pekerjaan ibu bapa adalah kuat.

**Persoalan Ketiga Kajian: Adakah Terdapat Hubungan Antara Tahap Kekerapan Penggunaan Peranti Teknologi Digital dengan Umur Kanak-kanak?**

**Jadual 5.0**  
**Analisis Tabulasi Silang**

Kekerapan penggunaan peranti teknologi digital	Umur Kanak-kanak					
	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun	6 tahun	Jumlah
Satu atau dua kali seminggu	2	9	4	7	10	32
Lebih dari tiga kali seminggu	8	20	10	6	18	62
Satu atau dua kali sehari	3	24	18	6	15	66
Lebih dari tiga kali sehari	4	8	16	4	8	40
Tidak menggunakan peranti teknologi digital	10	0	5	0	10	25
	10	61	53	23	61	225

Jadual 5.0 menunjukkan analisis tabulasi silang antara tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital mengikut umur kanak-kanak. Berdasarkan jadual berikut, pemilihan kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak berumur 3 tahun dan 4 tahun adalah paling tinggi pada satu atau dua kali sehari. Seterusnya kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak berumur 6 tahun adalah pada lebih dari tiga kali seminggu. Manakala kekerapan kanak-kanak berumur 5 tahun menggunakan peranti teknologi digital ialah selama satu atau dua kali seminggu. Kekerapan penggunaan peranti teknologi digital kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah ialah tidak menggunakan peranti teknologi digital.

**Jadual 5.1**  
**Nilai Chi-Square dan Cramer's V**

	Nilai	Asymptotic Significance
Pearson Chi-Square	48.839	.000
	Nilai	Approximate Significance
Cramer's V	.233	.000

Berdasarkan jadual 5.1 nilai chi square (48.839) dan  $p < 0.05$  menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan penggunaan peranti digital dengan umur kanak-kanak. Nilai cramer's V pada nilai .233 pula menunjukkan hubungan antara kekerapan penggunaan peranti digital dengan umur kanak-kanak adalah sederhana.

## 6.0 PERBINCANGAN

Pembangunan teknologi moden telah memberi impak yang amat besar terhadap kehidupan kanak-kanak masa kini. Jika 10 tahun yang lalu, dunia kanak-kanak banyak dipenuhi dengan aktiviti fizikal bersama rakan-rakan di luar rumah, namun dunia kanak-kanak kini pula terdedah kepada pelbagai aktiviti bersama rakan secara maya menggunakan peranti teknologi digital. Secara purata, kanak-kanak banyak menghabiskan masa menggunakan peranti teknologi digital sehingga menyebabkan perkembangannya dipengaruhi oleh sumber teknologi yang terdapat dalam kehidupannya. Ibu bapa mempunyai peranan penting dalam membangunkan persekitaran di rumah sebagai rangsangan untuk pembangunan dalam penggunaan teknologi oleh kanak-kanak (Grifth & Arnold, 2019). Hal ini selari dengan daptatan kajian ini yang mana menunjukkan bahawa kehidupan ibu bapa itu sendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak. Jika semua ibu bapa tidak kira peringkat umur atau latar belakang pekerjaan mampu menjalankan tanggungjawab ini dengan sebaiknya, ia pasti dapat mengawal penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak dengan lebih baik.

Namun begitu, tanggapan negatif segelintir masyarakat terhadap penggunaan peranti teknologi digital turut mempengaruhi amalan ibu bapa dalam memberi pendedahan awal terhadap penggunaan peranti teknologi digital kepada kanak-kanak. Hal ini berlaku kerana ibu bapa kurang memiliki pengetahuan berkenaan etika penggunaan peranti teknologi digital terutama berkaitan tahap penggunaan yang sewajarnya berdasarkan keperluan kanak-kanak mengikut perkembangan mereka. Palaigeorgiou (2017) menyatakan ramai ibu bapa tidak mempunyai maklumat yang mencukupi mengenai keperluan pembangunan anak-anak mereka atau mengawal kandungan yang dihantar melalui aplikasi. Hasil kajian lepas ini juga turut menunjukkan bahawa hubungan kehidupan ibu bapa sendiri mempunyai pertalian yang kuat terhadap proses pengawalan penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak. Ibu bapa yang memahami keperluan dan kepentingan penggunaan peranti teknologi digital di kalangan kanak-kanak pula memberikan kelonggaran yang kadang kala menjadi keterlaluan dan tiada kawalan penggunaan. Perkara ini perlu dilihat dengan jelas oleh semua ibu bapa bagi memastikan kanak-kanak tidak terlalu leka dengan penggunaan peranti teknologi digital dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Walaupun begitu, hasil kajian mendapati bahawa hubungan tahap kekerapan penggunaan peranti teknologi digital dengan umur kanak-kanak berada pada tahap yang sederhana. Hal ini membuktikan kepada pengkaji bahawa kesedaran dan usaha sama ibu bapa dalam memastikan tahap penggunaan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak masih berlaku dalam kadar yang terkawal. Pelbagai usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak seperti sekolah, universiti dan kementerian pendidikan dalam membentuk kefahaman yang baik kepada keluarga dan masyarakat mengenai kepentingan pengawalan penggunaan peranti teknologi digital kepada kanak-kanak. Jika hal ini dapat dijalankan secara bersasar terutamanya kepada golongan ibu bapa yang mempunyai anak kecil, pasti isu kesan penggunaan peranti teknologi digital ke atas pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dapat diatasi. Semua pihak perlu bersama dalam memastikan cabaran ini dapat diatasi dan seterusnya memimpin kepada perubahan budaya kehidupan yang positif dalam menggunakan peranti teknologi digital oleh kanak-kanak.

## 7.0 KESIMPULAN

Menjalani hidup di era dunia digital hari ini, kanak-kanak merupakan kumpulan besar yang terdedah kepada kepesatan dan kemajuan teknologi. Pelaksanaan pendekatan pembelajaran era ini juga turut mengaplikasikan penggunaan peranti digital yang meluas. Melihat kepada perspektif negatif sesetengah pihak yang mewujudkan kekangan bagi pelaksanaan penggunaan peranti digital sebagai satu medium pembelajaran yang positif bagi kanak-kanak, ibu bapa seharusnya memainkan peranan yang penting

bagi memastikan usaha ini dapat dilaksanakan. Salah satu cadangannya adalah dengan memastikan kawalan kandungan penggunaan peranti teknologi digital. Selain memastikan kesesuaian kandungan yang diteroka oleh kanak-kanak, ibu bapa juga perlu memastikan persekitaran yang positif bagi menyokong kanak-kanak itu sendiri menggunakan peranti teknologi digital dengan beretika.

Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan tinjauan bagi sebahagian kecil daripada rakyat Malaysia dan tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh populasi di Malaysia. Justeru penyelidik menyarankan kajian yang mendalam perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti lebih amalan terbaik dalam mendidik kanak-kanak untuk menjadi masyarakat digital yang bertanggung jawab dan beretika serta menjadi pemangkin untuk membina pengetahuan baharu dan mewujudkan budaya masyarakat digital yang kukuh dan bertamadun. Kajian lanjutan dengan demografi yang berbeza dan konstruk instrumen yang lebih mendalam dan bilangan responden yang lebih ramai perlu dilaksanakan untuk mengkaji literasi digital dalam kalangan kanak-kanak.

## Sumbangan Pengarang

Hairi, A.M.M., Draf awal, pengenalan, perbincangan, rujukan dan suntingan akhir. Pa, M.I.C., sorotan literatur. Jaafar, E.H.M., abstrak, metodologi dan kesimpulan. Hanim, Z.H., objektif, dapatan dan perbincangan.

## Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Almuaiqel, D., Alanazi, A., Almuaiqel, M., Alshamrani, F., AlSheikh, M., Almuhana, N., ... & Mansi, K. (2021). Impact of Technology Use on Behavior and Sleep Scores in Preschool Children in Saudi Arabia. *Frontiers in psychiatry*, 12, 601. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.649095>
- Ashari, Z. M., Ngadiman, A. A., Zainudin, N. F., & Jumaat, N. F. (2018). The Relationship between Knowledge and Attitude towards Technology Gadget Usage with Students' Socio-Emotions Development. *International Journal of Interactive Mobile Technologies*, 12(7).
- Aziz, F. (2020). Gajet membantu atau merosakkan perkembangan anak anda? Diperolehi daripada <https://hellodoktor.com/keibubapaan/tips-keibubapaan/gajet-membantu-atau-merosakkan-perkembangan-anak-anda/#gref>.
- BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(1), 107–118.
- Chaudron S., Di Gioia R., & Gemo M. (2018). Young children (0-8) and DT, a qualitative study across Europe; EUR 29070. doi:10.2760/294383
- Hosokawa, R., & Katsura, T. (2018). Association between mobile technology use and child adjustment in early elementary school age. *PLoS One*, 13(7), e0199959.
- Ismail, S. N. M. A., & S. N. M. (2020). Kesan Permainan Video terhadap Perkembangan Kanak-Kanak.
- Izati, F., & Mohd, B. (2021). Pendidikan Digital Era Ri 4.0 Dalam Pendidikan Islam. 436-451
- Grifth, S. F., & Arnold, D. H. (2019). Home learning in the new mobile age: Parent-child interactions during joint play with educational apps in the US. *Journal of Children and Media*, 13(1), 1–19.

- Mahidin, D. S. D. M. U. (2019). Siaran Akhbar Statistik Jenayah. November, 1–4. Diperolehi daripada <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/online-video-and-voice-record-biggest-growth-among>.
- Ofcom (2022). Children and parents: media use and attitudes report 2022. Available at: <https://www.ofcom.org.uk/research-and-data/media-literacy-research/childrens/children-and-parents-media-use-and-attitudes-report-2022>
- Palaiologou, I. (2017). Children under five and digital technologies: Implications for early years pedagogy. European Early Childhood Education Research Journal, 24(1), 5–24.
- Rahmad, F. (2017). Islam and Modernity: Transformation of An Intellectual Tradition (Vol. 15). University of Chicago Press.
- Roje Đapić, M., Buljan Flander, G., & Selak Bagarić, E. (2020). Mala djeca pred malim ekranima: Hrvatska u odnosu na Europu i svijet. *Napredak: Časopis za interdisciplinarna istraživanja u odgoju i obrazovanju*, 161(1-2), 45-61. <https://hrcak.srce.hr/239891>
- Rideout, V., & Robb, M. B. (2019). The Common Sense census: Media use by tweens and teens, 2019. San Francisco, CA: Common Sense Media
- Shamilatul Sufia binti Abdullah & A'dawiyah binti Ismail. (2022). Kebimbangan dan Peranan Ibu Dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-Anak Dalam Era Digital. *Jurnal Pengajian Islam*. 15, 195 207
- Tay, L. Y., Aiyoob, T. B., Chua, T. B. K., Ramachandran, K., & Chia, M. Y. H. (2021). Preschoolers' use of technology and digital media in Singapore: entertainment indulgence and/or learning engagement?. *Educational Media International*, 58(1), 1- 20. <https://doi.org/10.1080/09523987.2021.1908498>
- Yadav, S., & Chakraborty, P. (2021). Child-smartphone interaction: Relevance and positive and negative implications. *Universal Access in the Information Society*, 1–14.